

# KEDATANGAN ULAMA AZHAR DENGAN IKHWANUL MUSLIMIN

Baharu-baharu ini, telah singgah di Singapura, rombongan dari ulama Shaykh al-Azhar Mesir yang diketuai oleh Shaykh ‘Abd al-Rahman Tāj, Shaykh al-Azhar dalam lawatan balik dari Indonesia setelah melawat di sana lebih daripada 20 hari lamanya. Barangkali inilah pertama kali dalam sejarah al-Azhar menghantarkan rombongannya ke Indonesia dan ke negeri-negeri Melayu ini. Lawatan-lawatan itu sudah barang tentu diatur oleh kerajaan Mesir dengan sebegini rupa sehingga dengan melihat keadaan orang-orang yang dihantarkan itu, menurut pengertian keadaan-keadaan sekarang, bahawa lawatannya itu ada latar belakangan di atas perkembangan kerajaan Mesir sesudah menjatuhkan dan menumbangkan kerajaan Najib dan menjahanamkan pergerakan Ikhwān al-Muslimīn dengan mengadakan pembunuhan-pembunuhan yang hebat kepada beberapa ulama-ulama Islam yang besar pengaruhnya kepada umat.

Menurut keterangan yang kita dapati bahawa lawatan itu disambut dengan tawar oleh pihak Masyumi kerana orang-orang Masyumi memandang bahawa hantaran itu adalah sebagai suatu percubaan menarik orang-orang Indonesia kepada suatu pengertian bahawa agama Islam itu hanya agama beribadat semata - tidak kena mengena dengan siyarah- agama itu hanya suatu perbuatan perseorangan- tidak ada dipermasarakatannya kepada muslihat ketatanegaraan sebagaimana yang difahamkan dan diertikan oleh cita-cita Masyumi yang bersamaan pula dengan cita-cita Ikhwān al-Muslimīn yang ditaja oleh al-Marhum al-Shahīd al-Shaykh Ḥassan al-Bannā yang diharamkan oleh Jamāl ‘Abd al-Nasīr sekarang ini bahkan orang-orang Ikhwān al-Muslimīn diburu kerana bercita-cita menghapuskan sama sekali cita-cita ketatanegaraan Islam yang diperjuangkan oleh Ikhwanul Muslimin itu.

Tidak hairan kalau sambutan terhadap ulama-ulama al-Azhar itu lebih tawar lagi apabila yang menghantui al-Shaykh ‘Abd al-Rahman Tāj yang dikenakan telah pernah memberikan petuanya

mengkafirkkan pergerakan Ikhwanul Muslimin yang dipercayai oleh orang-orang Islam di Indonesia bahawa taraf beliau samalah seperti keadaan kiyai-kiyai di Indonesia pada zaman penjajahan belanda dahulu- boleh digunakan untuk mencapai saran-saran siasah mempengaruhi rakyat supaya melupakan segala kejadian-kejadian yang pedih dideritai oleh umat Islam di atas keganasan dan kebuasan Jamāl ‘Abd al-Nasīr terhadap pemimpin-pemimpin Ikhwān al-Muslimīn sehingga seorang ulama besar seperti ‘Abd al-Qādir Awdah telah menjadi korban dengan tidak cukup usul periksa.

Langkah-langkah yang ganas yang menjadi sejarah yang gelap bagi Ikhwān al-Muslimīn itu menurut pendapat ini sekarang hendak diubati oleh Jamāl ‘Abd al-Nasīr dengan menghantarkan rombongan-rombongan ulama-ulama itu dan mengadakan pula hadiah kitab-kitab yang sangat didahagakan oleh Indonesia tetapi kerana dasarnya bukannya untuk membuka mata, untuk mencelikkan umat Indonesia yang telah celik itu maka kitab-kitab yang dihantarkan itu bukannya lagi kitab-kitab yang dikehendaki mereka seperti

karangan-karangan baharu yang menghidupkan roh dan semangat keislaman tetapi yang dihantarkan ialah kitab-kitab lama yang boleh dekat tidak berapa mendapat perhatian lagi di Indonesia.

Hantaran kitab-kitab itu adalah bersesuaian dengan kedatangan ulama-ulama yang dihantarkan kerana dengan sendirinya ulama-ulama yang diantar itu bukanlah ulama-ulama yang progresif, ulama-ulama yang dapat menyesuaikan keadaan dengan masani tetapi ulama-ulama yang dipandang oleh orang-orang di Indonesia seakan-akan ulama-ulama yang bertujuan mematikan roh dan semangat Islam yang hidup di dalam jiwa orang-orang Islam sekarang.

Adalah menjadi suatu pertanyaan yang besar kepada orang-orang Indonesia khususnya orang-orang Masyumi, adakah hantaran itu suatu tujuan siyasha Jamāl ‘Abd al-Nasīr supaya umat Islam melupakan sama sekali apa yang telah dilakukannya terhadap kepada saudara-saudaranya daripada Ikhwān al-Muslimīn di Mesir?

Umat Islam di seluruh dunia mengetahui bahawa semenjak 20 tahun yang lalu al-Shaykh Hassan al-Bannā telah menaja Ikhwān al-Muslimīn setelah melihat bahawa pemerintahan Mesir yang dijulang itu adalah satu pemerintahan yang dipandang sebagai negeri Islam tetapi perbuatan dan segala kejadian di dalam masyarakatnya berlawanan dengan ajaran-ajaran Islam. Pengaruh *adabiyah* barat telah mendalam kepadanya dan kerana itu tajaan Ikhwanul Muslimin diadakan suatu cita-cita supaya di Mesir hendaklah dilakukan hukum-hukum Allah- hukum-hukum Allah mengikut ketatanegaraan dijalankan. Ini ialah sebagai suatu tugas kepada tiap-tiap orang Islam dan diwajibkan kepada mereka di mana mereka tinggal.

Dalam masa cita-cita yang suci murni itu marak dan mendapat perhatian di seluruh dunia maka pada masa itulah pemimpinnya al-Sheikh Hassan al-Banna ditembak oleh musuh-musuh Islam kerana musuh-musuh Islam mengetahui apabila dibiarkan sudah tentu cita-cita itu sampai dan mereka tidak dapat berleluasa



*Ibu Sudiro segang memotong peta dalam pembukaan sebuah tempat pemeriksaan gigi di Indonesia*

lagi menjalankan kemahuan hawa nafsu mereka dengan jalan yang tidak berpandu kepada al-Kitab dan al-Sunnah. Sesudah itu maka jarum pemerintah dengan cara yang licin dan kasar juga telah mencari jalan memecahkan orang-orang Ikhwan sehingga dengan yang demikian timbulah perpecahan itu apabila setengah-setengah pemimpinnya memandang kerusi lebih berguna daripada muslihat Ikhwan sebab itulah beberapa orang pemimpin Ikhwān sekarang didapati bekerja di dalam jemaah menteri ‘Abd al-Nasīr yang memerintah Mesir sekarang.

Adakah dengan langkah-langkah yang dilakukan oleh Jamāl ‘Abd al-Nasīr itu Ikhwān al-Muslimīn akan hapus? Inilah soalan yang pernah kita tanyakan kepada rombongan itu di dalam masa bercakap-cakap. Mereka tidak mau menjawab tetapi kita faham bahawa Ikhwān al-Muslimīn di Mesir masih ada masih hidup dan bergerak- Mereka tidak akan hapus selagi cita-cita dan kewajipan mereka untuk menegakkan kalimah Allah di negaranya belum sampai.